

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN
[BUKIT KATIL - PKR]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 26)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setelah kekalahan memalukan pasukan kebangsaan 10-0 dengan UAE :-

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil selain daripada pilihan menggantung FAM; dan

- (a) apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menggalakkan kewujudan liga bola sepak daerah dan tempatan bagi memperbanyakkan lagi bakat baru untuk diketengahkan setara dengan merudumnya mutu bolasepak negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang diketahui umum, Ketua Jurulatih skuad kebangsaan iaitu Encik Dollah Salleh telah pun melepaskan jawatan tersebut selepas kekalahan besar 0 – 10 menentang pasukan Emiriah Arab bersatu (UAE). Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) juga telah mengumumkan Encik Ong Kim Swee sebagai pengendali sementara skuad kebangsaan untuk mengharungi baki perlawanan kelayakan Piala Dunia 2018 / Piala Asia 2019. FAM juga telah pun mengiklankan kekosongan jawatan Ketua Jurulatih Kebangsaan dan terbuka untuk dimohon oleh jurulatih asing atau jurulatih tempatan. Kementerian berharap dengan kehadiran Ketua Jurulatih yang dipilih oleh panel yang dipertanggungjawabkan dapat memulihkan imej dan prestasi pasukan kebangsaan.
- (b) Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telahpun melancarkan Liga Bolasepak Rakyat pada bulan Ogos 2015 lalu. Liga Bola Sepak Rakyat dijangka akan membantu negara dalam mencungkil bakat dan meramaikan bilangan pemain. Liga ini turut menyediakan satu landasan alternatif di kalangan pemain, teknikal dan pengadil bagi menimba pengalaman dan kemahiran sebagai persediaan bagi menyertai pertandingan di peringkat profesional.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

SOALAN :-

**Y.B. TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status Balai Bomba di Pekan
Belaga dan di BRS Sungai Asap.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan untuk membina sebuah balai baru di kawasan yang dinyatakan, telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pembinaan bagi kawasan Belaga telah dipohon pada tahun 2015 dan cadangan pembinaan dijangka bermula tahun 2016. Bagi Balai di Pekan Sungai Asap pula, permohonan peruntukan akan dipohon pada tahun 2017 dan cadangan pembinaannya pada tahun 2018 tertakluk kepada keputusan Kerajaan.